

NO SOALAN : 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
(BATANG SADONG)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan

- a) Trend dan jumlah kes kematian kanak-kanak di pusat asuhan sejak tahun 2021; dan
- b) Pandangan Kementerian berhubung insiden bayi berusia 4 bulan yang dilaporkan meninggal dunia di sebuah TASKA tidak berlesen pada 3 Januari lalu

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012; sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di TASKA.
2. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia, jumlah kes kematian kanak-kanak di pusat asuhan ialah sebanyak 44 kes pada tahun 2020, 24 kes tahun 2021, 84 kes tahun 2022, 98 kes tahun 2023 dan 114 kes tahun 2024.
3. Menakala mengikut rekod JKM, Tindakan Penguatkuasaan yang telah diambil oleh JKM adalah **sebanyak tujuh (7) kes kematian kanak-kanak berlaku di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dalam tempoh tahun 2021 hingga 2024**. Pada tahun 2021, 2022, 2023 telah berlaku satu (1) kes kematian di negeri Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Selangor. Manakala pada tahun 2024 berlaku empat (4) kes kematian di negeri Selangor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang. **Kesemua TASKA tersebut adalah merupakan TASKA tidak berdaftar.**
4. Merujuk kepada insiden bayi berusia 4 bulan yang dilaporkan meninggal dunia di sebuah TASKA tidak berlesen pada 3 Januari lalu, pada **9 Januari 2025 tindakan Lak telah dilaksanakan ke atas TASKA tersebut** yang telah beroperasi tanpa perakuan pendaftaran. Ini dinyatakan di dalam Akta 308 iaitu yang mana tiada seseorang pun boleh menjalankan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu taman asuhan kanak-kanak yang tidak didaftarkan (Seksyen 6(1) Akta 308).

5. Tindakan ini **adalah mengikut Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak Dan Perintah Penutupan Ke Atas Taman Asuhan Kanak-Kanak Serta Pusat Jagaan Yang Dalam Siasatan Polis yang telah berkuat kuasa mulai 10 April 2023.** Garis Panduan Khas ini dikeluarkan untuk memastikan tindakan segera dan proaktif diambil ke atas mana-mana TASKA atau Pusat Jagaan dalam siasatan polis bagi kes penderaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni pusat jagaan.

6. Ini merupakan usaha bagi memastikan tindakan yang diambil lebih efektif dan proaktif dalam melindungi kumpulan sasar KPWKM terutamanya kanak-kanak. **Tindakan Penguatkuasaan yang telah diambil di bawah Garis Panduan ini sehingga Disember 2024 ke atas TASKA adalah berjumlah dua puluh lima (25) tindakan penguatkuasaan.** Iaitu lima belas (15) tindakan Lak dan sepuluh (10) tindakan Perintah Penutupan Sementara. Daripada jumlah tersebut 5 adalah berkaitan kes kematian dan 20 kesalahan berkaitan aduan penderaan.

7. KPWKM melalui JKM juga telah melaksanakan *Task Force* Pemutihan TASKA Tidak Berdaftar. Berdasarkan maklumat tersebut, JKM telah mengenalpasti 1,080 premis TASKA tidak berdaftar di seluruh negara dan telah mengarahkan satu tindakan pemutihan bagi TASKA tidak berdaftar ke atas jumlah tersebut. Sehingga 10 Januari 2025 sebanyak 825 TASKA tidak berdaftar telah berjaya diputihkan dengan tindakan seperti berikut :

- i. 535 berhenti operasi
- ii. 262 lulus perakuan pendaftaran
- iii. 26 tawaran Notis Kompaun
- iv. 2 didakwa di Mahkamah

8. Manakala baki sebanyak 247 buah TASKA tidak berdaftar masih dalam tindakan pemutihan dengan sebanyak 169 buah TASKA telah dikeluarkan Notis Peringatan dan bagi 78 buah TASKA lagi dalam peringkat penyediaan Laporan Penguatkuasaan dan melengkapkan Kertas Siasatan.

9. KPWKM komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk mencegah serta mengurangkan risiko berlakunya kejadian yang tidak diingini di TASKA. Justeru, KPWKM menyeru agar ibu bapa lebih cakna dan peka untuk menghantar anak-anak ke TASKA yang berdaftar sahaja yang bukan sahaja menjamin persekitaran yang selamat dan kondusif tetapi pengasuhan dan penjagaan oleh pengasuh yang terlatih.

10. Justeru, saya menyeru kerjasama semua pihak, termasuklah ibu bapa dan orang awam, untuk melaporkan kewujudan TASKA tidak berdaftar kepada KPWKM demi keselamatan anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
[JASIN]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan langsung dan penyelesaian kepada isu seramai 17,646 remaja yang tidak berkahwin semasa hamil seperti kenyataan Menteri di dalam program di Kuching pada November tahun 2024.

JAWAPAN

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat mengambil berat isu remaja hamil tidak berkahwin. Berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia terkini bagi tempoh 5 tahun dari 2020 hingga 2024, terdapat sejumlah 9,737 kelahiran remaja (10-19 tahun) hamil luar nikah yang berdaftar di fasiliti kesihatan KKM, iaitu sekitar 0.33% dari sejumlah 2.89 juta remaja perempuan di Malaysia.

KPWKM telah merangka beberapa strategi komprehensif melibatkan pelbagai aspek, termasuk pemerksaan pendidikan kesihatan reproduktif, inisiatif kaunseling dan sokongan komuniti yang menjurus kepada pencegahan dan intervensi. Antara langkah pencegahan adalah melalui:

- Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) melibatkan tindakan sinergi pelbagai agensi termasuk LPPKN, KPM, KPT, KKM, KBS, dan NGO, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pendidikan kesihatan reproduktif dalam masyarakat, memperkasakan ibu bapa dan pendidik dalam isu kesihatan reproduktif.
- Pemerksaan Program PEKERTI di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, bertujuan untuk memberi pendidikan kesihatan reproduktif yang tepat kepada remaja, termasuk mengenai implikasi hubungan seksual sebelum perkahwinan, risiko kehamilan di usia terlalu muda dan pencegahan kehamilan yang tidak dirancang.
- Program **Pusat Remaja KafeTEEN** dan **aplikasi maya myKafeTEEN** di bawah LPPKN juga berperanan meningkatkan akses remaja kepada maklumat melalui program pendidikan dan pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif serta **Khidmat Nasihat Kaunseling dan Konsultasi Klinikal** secara percuma. Bagi kes remaja hamil yang dikenal pasti dan memerlukan intervensi lanjut akan dirujuk terus kepada fasiliti KKM.

2. Kementerian juga memberikan komitmen perlindungan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memainkan peranan dalam memberikan intervensi dan sokongan kepada remaja hamil yang tidak berkahwin untuk melindungi kebajikan remaja serta anak yang bakal dilahirkan. Antara langkah utama ialah:

- **Taman Seri Puteri (TSP)**, institusi perlindungan yang menyediakan pemulihan dan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan yang hamil. Kemasukan ke TSP boleh dilakukan melalui perintah mahkamah atau permohonan sendiri untuk memberi perlindungan serta peluang kepada remaja untuk mengikuti program latihan kemahiran.
- Selain itu, **kaunseling dan sokongan emosi** disediakan untuk membantu remaja dan keluarga mengatasi tekanan dan trauma akibat kehamilan yang tidak dirancang. Program psikopendidikan yang dijalankan termasuk pengurusan emosi, kewangan, dan kemahiran keibubapaan.
- **Bantuan kewangan** juga disediakan bagi meringankan beban ekonomi remaja hamil yang memerlukan sokongan sementara untuk kelangsungan hidup mereka.

3. Pelbagai agensi lain antaranya KKM dan pihak NGO turut memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan dan sokongan bagi remaja yang terkesan dengan kehamilan. Pendekatan bersepadu ini adalah amat penting dalam memastikan remaja hamil mendapat sokongan yang menyeluruh supaya tidak terus terperangkap dalam masalah, dan seterusnya dapat memastikan kehidupan masa depan mereka yang lebih baik.

4. Selain itu, melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah Seksyen 376, Kanun Keseksaan, hukuman yang keras ke atas individu yang melakukan rogol statutori terhadap kanak-kanak perempuan di bawah umur 16 tahun, sama ada menyebabkan kehamilan atau tidak, adalah komitmen pihak berkuasa untuk membendung kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Isu kehamilan remaja adalah suatu isu kemasyarakatan yang kompleks dan berpunca daripada pelbagai faktor. Justeru, pelbagai pihak pemegang taruh seperti ibu bapa, pendidik, masyarakat dan pihak berkuasa perlu memainkan peranan bersama dalam membendung masalah kehamilan remaja secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 15

**MATRIKS SOALAN PARLIMEN KPWKM DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN
JOHARI [SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan**

- a) adakah terdapat latihan atau kursus 'bridging' bagi menangani kekurangan kemahiran menguruskan kes di kalangan pekerja sosial; dan
- b) bagaimana program-program ini menangani jurang kelayakan di kalangan pekerja sosial yang mempunyai ijazah atau diploma dalam bidang kerja sosial berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelayakan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai sebuah institut latihan awam dalam bidang kerja sosial melaksanakan pelbagai kursus dan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam peserta dalam bidang kerja sosial. Pada tahun 2024, ISM menawarkan 31 jenis kursus tidak termasuk seminar dan bengkel yang mana 15 daripada kursus tersebut adalah bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja sosial. Ianya dilaksanakan secara bersemuka melibatkan 1,672 orang peserta. Bagi tahun 2025, ISM turut merancang sebanyak 10 program latihan/kursus secara bersemuka bagi meningkatkan kemahiran pekerja sosial untuk menguruskan kes dengan sasaran penyertaan peserta seramai 2,150 orang.
2. Dalam usaha meningkatkan kapasiti kakitangan sosial terutama dari segi kemahiran kaunseling dan pemulihan psikososial bagi menangani kes-kes kebejatan sosial seperti keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dalam kalangan masyarakat, ISM juga telah mewujudkan beberapa kursus baharu sejak tahun 2022 iaitu Kursus Psychological First Aid (PFA), Kursus Asas Pendekatan Psikologi Dalam Pengurusan Kes, Kursus *Professional Boundaries for Social Workers* dan Kursus Kemahiran Kerja Kes Individu, Kumpulan & Komuniti. Kursus-kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam aspek kaunseling dan psikososial agar dapat menguruskan kes-kes kumpulan sasar yang pelbagai di bawah KPWKM dengan lebih berkesan.
3. Pada tahun 2025, ISM turut memperkenalkan inovasi pembelajaran Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial yang boleh diakses secara dalam talian melalui Sistem ePPESO (Sistem Pembelajaran Perkhidmatan Sosial) yang telahpun dilancarkan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 23 Januari 2025 yang lalu bagi membolehkan lebih ramai mendapat akses kepada pembelajaran dalam bidang kerja sosial tanpa mengira jarak dan lokasi serta menjimatkan kos.

Sehingga 17 Februari 2025, terdapat seramai 511 orang pengguna aktif yang menggunakan sistem EPPESO. Antara kursus yang ditawarkan di dalam sistem EPPESO ialah Kursus Asas Pengetahuan Kerja Sosial, Kursus Asas Kesukarelawan dan Kursus Pemahaman & Kesedaran Terhadap Gangguan Seksual.

4. ISM turut melaksanakan Program Sijil Profesional Asas Kerja Sosial (SPAKS) dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi menangani jurang kelayakan dalam kalangan pekerja sosial yang mempunyai ijazah atau diploma dalam bidang kerja sosial berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kelayakan tersebut. Pelaksanaan kursus ini bertepatan dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI yang menitikberatkan keterangkuman, pembangunan modal insan yang terampil serta bernilai sosial demi membentuk masyarakat yang lebih bertoleransi, harmoni dan progresif.

5. ISM dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik modul dan kursus yang ditawarkan oleh ISM agar tetap relevan dengan keperluan semasa. Pada tahun 2025, ISM turut membangunkan modul bagi 11 kursus berkaitan kerja sosial yang dijalankan oleh ISM. ISM juga dalam usaha untuk melaksanakan pembangunan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang dengan kerjasama pakar dan ahli akademik daripada pelbagai universiti awam yang menawarkan bidang kerja sosial seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi pembangunan kurikulum kursus.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS
ERMIEYATIE BINTI HAJI SAMSUDIN
(MASJID TANAH)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATIE BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- c) Mengenai pelaksanaan paparan plak nombor pendaftaran di premis TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- d) Adakah Kementerian ada menyediakan inisiatif atau bantuan pemerkasaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) sebagaimana peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012; sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).
2. KPWKM sentiasa komited untuk mengenalpasti inisiatif baru dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar lebih berkesan. Pada 10 Januari 2025, KPWKM telah melancarkan Plak TASKA Berdaftar bagi memudahkan ibu bapa/ penjaga/ orang awam mengenali premis TASKA berdaftar. Ia dapat membantu meningkatkan keyakinan ibu bapa terhadap TASKA yang menunjukkan ia diuruskan secara profesional dan mematuhi standard yang telah ditetapkan.
3. Sebagai inisiatif dan satu langkah permulaan, pemasangan Plak TASKA berdaftar ini **akan dilaksanakan secara percuma atau one-off oleh pihak KPWKM bagi TASKA yang telah berdaftar iaitu** kepada 3,198 buah TASKA berdaftar di seluruh Malaysia sehingga 31 Disember 2024. Seterusnya kos pemasangan plak ini akan diwajibkan ke atas semua pengusaha TASKA **yang baru** selaras peruntukan di bawah Seksyen 8(g) Akta 308 iaitu Ketua Pengarah boleh mendaftarkan mana-mana taman asuhan kanak-kanak dengan menetapkan apa-apa syarat lain yang difikirkan patut dan sesuai.
4. Plak ini adalah tanda komitmen dan simbol kepada pematuhan standard. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar pemasangan plak ini akan membantu ibu bapa mengenalpasti TASKA yang berdaftar dan

seterusnya juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaian dan penderaan terhadap kanak-kanak di TASKA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. SITI MASTURA BINTI
MUHAMMAD [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

YB DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

a) kadar kelahiran remaja hamil luar nikah bagi tempoh 5 tahun mengikut negeri; dan

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut menerima input daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) di mana berdasarkan statistik daripada 1,929 mangsa rogol yang hamil bagi tempoh 5 tahun, seramai 1,809 adalah melibatkan mangsa kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Kategori umur 13-15 tahun (remaja) merupakan penyumbang terbesar di mana seramai 1,202 mangsa iaitu 66.45% daripada jumlah keseluruhan mangsa kanak-kanak.

Bagi kes sumbang mahram melibatkan mangsa hamil juga menunjukkan kategori umur 13-15 tahun merupakan golongan yang tertinggi menjadi mangsa iaitu 61 daripada 112 mangsa kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.

b) langkah mengatasi dan menyelesaiannya daripada sudut perundangan.

Isu kehamilan remaja luar nikah adalah satu isu yang amat serius dan memerlukan perhatian serta tindakan holistik dari pelbagai pihak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka beberapa strategi komprehensif melibatkan pelbagai aspek, termasuk pemerkasaan pendidikan kesihatan reproduktif, inisiatif kaunseling dan sokongan komuniti. Kementerian menyeru pelbagai agensi untuk bekerjasama secara kolaboratif dalam meningkatkan dan memperkasakan inisiatif yang holistik untuk menangani isu kehamilan remaja luar nikah. Berikut adalah beberapa langkah yang dirangka dan dijalankan oleh kementerian:

- Memberikan pendidikan seksualiti melalui kempen kesedaran yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang merupakan agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan dan reproduksi manusia. Kempen dan program dijalankan bertujuan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran remaja dan ibu bapa mengenai kesihatan reproduktif.
- Menjalankan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai salah satu agensi pemegang taruh dalam membangunkan Garis Panduan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Dan Sosial (PEERS) Kebangsaan yang boleh dijadikan panduan kepada seluruh masyarakat khasnya remaja agar dapat membuat keputusan yang bijak dan selamat tentang kesihatan reproduktif dan sosial.
- Membangunkan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Dan Sosial (PEKERTI) untuk meningkatkan kesedaran semua pihak berkaitan kepentingan pendidikan kesihatan reproduktif dan melahirkan masyarakat bertanggungjawab dan resilien.
- KPWKM juga telah membangunkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang telah menetapkan

komitmen pemegang taruh utama di peringkat kerajaan, swasta, mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam hal tersebut.

- Penubuhan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-isu Sosial Kanak-kanak di Media Sosial melibatkan keahlian dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menangani isu keselamatan siber serta menguatkuasakan aspek pengawalan ke atas laman web pornografi.
- Kementerian juga memberi komitmen dengan menyediakan tempat perlindungan bagi kanak-kanak atau wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah.
- Dari segi perundangan, buat masa ini masih di dalam kajian memandangkan tiada peruntukan undang-undang ke atas kehamilan dan kelahiran bayi luar nikah di Malaysia melainkan di bawah undang-undang syariah yang hanya diperuntukkan di beberapa buah negeri sahaja. Justeru intervensi dari segi perundangan masih kurang diadakan dan hanya tertumpu kepada intervensi keluarga, perlindungan, modul keagamaan, kebajikan serta pemulihan terapeutik bagi remaja hamil luar nikah .

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 95

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
(KUANTAN)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2025 (RABU)

SOALAN

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian melaksanakan kajian bagi menilai semula jumlah bantuan bulanan kepada amaun yang lebih relevan dengan mengambil kira peningkatan kos sara hidup semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan untuk membantu kelangsungan hidup dan meringankan beban kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan ini bersifat **sementara waktu** sehingga mereka mampu hidup berdikari.
2. **Penilaian semula mengenai kadar-kadar bantuan** telah dilaksanakan sejak tahun 1994 sehingga kini agar kekal relevan seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Belanjawan Tahun 2025 pada 18 Oktober 2024, Kerajaan telah menaikkan kadar serta syarat kelayakan pendapatan yang melibatkan skim berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas (WE) dan keluarga miskin seperti berikut:
 - i. **Bantuan Kanak-Kanak (BKK)** daripada **RM150.00 kepada RM200.00** dan **RM200 kepada RM250.00** bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga;
 - ii. **Bantuan Warga Emas (BWE)** daripada **RM 500.00 kepada RM 600.00 sebulan;**
 - iii. **Bantuan Am (BA) Persekutuan** daripada **minimum RM100.00 kepada RM150** dan **maksimum RM350.00 kepada RM500.00 sebulan;**
 - iv. **Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** dinaikkan **syarat kelayakan pendapatan isi rumah** daripada **RM3,000.00 kepada RM5,000.00** dan kadar bantuan dikekalkan iaitu RM500 sebulan; dan

- v. **Elaun Pekerja OKU (EPOKU)** dinaikkan **syarat kelayakan pendapatan** daripada **RM1,500 kepada RM1,700** dan kadar bantuan dikekalkan iaitu RM 450.00 sebulan.
3. Di samping itu, **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)** juga telah disemak semula dan dikemaskini. Ini sesuai dengan survei pendapatan, perbelanjaan isi rumah (HIES) dan Kemudahan Asas (BA) 2022 yang dilaksanakan di bawah ICU dan Jabatan Perangkaan Malaysia. PGK baharu telah dibentangkan semasa Belanjawan Tahun 2024. Selaras dengan itu, JKM mulai menggunakan **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2019 RM1,169.00 dinaikkan kepada PGK Makanan 2022 RM1,198.00 dan Perkapita RM310.00 dinaikkan kepada RM322.00** pada tahun 2024 sebagai syarat asas kelayakan pemohonan bantuan JKM yang baharu.
4. Secara kesimpulannya, kos sara hidup ketika ini menjadi fokus utama Kerajaan Madani. Justeru, KPWKM telah menilai kadar bantuan dan menyesuaikan dengan keperluan semasa dalam usaha membantu golongan yang memerlukan. Penyelarasan bantuan turut dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui pemberian bantuan lain seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), BUDI Madani dan sebagainya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berkelayakan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.